

# Tiada kematian baru

B.H. 03/09/09 MISE

## Korban kekal 72 orang kes jangkitan terus meningkat

lah 1,238 pesakit ILI menerima rawatan di hospital.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, berkata semua pesakit terabit dirawat di 106 hospital, termasuk 12 hospital swasta di seluruh negara.

“Daripada jumlah ini, seramai 23.1 peratus atau 264 pesakit disahkan positif H1N1 dengan 39 kes berada di Unit Rawatan Rapi (ICU).

“Daripada 39 kes yang sedang dirawat di ICU, 29 kes mempunyai faktor risiko iaitu penyakit kronik (11), obesiti (lapan), kanak-kanak dan bayi (empat), ibu hamil (dua), penyakit jantung (dua) dan asma (dua),” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Dr Mohd Ismail turut mengingatkan ibu bapa dan penjaga supaya memantau kesihatan anak mereka terutama mereka yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), minggu depan.

“Mereka mengalami gejala virus itu mesti menjarakkan kedudukan sekurang-kurangnya satu meter dengan individu lain apabila berurusan”

**Dr Mohd Ismail Merican**  
Ketua Pengarah Kesihatan

“Tbu bapa perlu memastikan anak mereka yang berisiko seperti yang menghadapi asma mengambil langkah berjaga-jaga seperti disarankan untuk mengelak daripada dijangkiti H1N1.

“Orang ramai mengalami gejala virus itu juga mesti menjarakkan kedudukan sekurang-kurangnya satu meter dengan individu lain apabila berurusan,” katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat semasa jangkitan H1N1 melalui talian hotline yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 5.30 petang di talian 03-88810200 dan 03-88810300 atau laman web Kementerian Kesihatan Malaysia <http://www.moh.gov.my> dan <http://h1n1.moh.gov.my>.



DUA kakitangan Hospital Kuching tetap menggunakan topeng muka walaupun ketika membeli-belah di Bazar Ramadan Lebuh India, semalam.

Bersama,  
**HENTIKAN  
H1N1!**

<http://h1n1.moh.gov.my>

Oleh Khairunnisa Kamarudin  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Tiada kematian baru akibat Influenza A (H1N1) dilaporkan semalam menjadikan angka korban kekal 72 orang, namun, kes jangkitan terus meningkat dengan 87 kes baru dengan simptom influenza-like illness (ILI) menjadikan sejumlah